

BAB 3

ANALISIS BUKU TEKS

3.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan menganalisis 'bahan-bahan' akhbar dan majalah yang digunakan dalam buku teks mata pelajaran bahasa Melayu tingkatan satu hingga tingkatan lima. Ini bertujuan untuk menguji hipotesis kajian mengenai bahan alat bantu mengajar iaitu;

"bahawa bahan akhbar dan majalah digunakan dalam buku teks bahasa Melayu bagi mengajar keempat-empat kemahiran bahasa termasuk aspek tatabahasa."

"bahawa kekerapan penggunaan bahan akhbar dan majalah dalam buku teks yang dihasilkan oleh berlainan penerbit adalah berbeza-beza."

'Bahan-bahan' yang berkenaan termasuklah bahan yang dipetik terus daripada akhbar atau majalah asal, bahan yang dipetik daripada akhbar atau majalah asal tetapi telah melalui proses penyuntingan terlebih dahulu oleh pengarang teks atau bahan berbentuk petikan akhbar atau majalah tetapi dikarang sendiri oleh pengarang teks.

Analisis dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian 1 dan bahagian

2. Penekanan setiap bahagian adalah seperti yang berikut:

- (1) Bahagian 1 - kajian terhadap penggunaan bahan akhbar dan majalah di dalam buku teks terbitan **Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP)** teks tingkatan satu hingga tingkatan lima. Aspek-aspek yang dilihat meliputi aspek perbahaman, kemahiran bahasa, unsur-unsur penggabungjalinan dan penyerapan isi pelajaran.
- (2) Bahagian 2 - kajian berbentuk perbandingan di antara buku teks mata pelajaran bahasa Melayu terbitan **DBP**, **SASBADI** dan **DELTA**. Tujuan kajian adalah untuk melihat persamaan dan perbezaan penggunaan dalam ketiga-tiga teks daripada aspek perbahaman, kemahiran bahasa, penyerapan bahan sastera dan isi pelajaran.

3.2 Pengenalan terhadap teks yang digunakan

Apabila KBSM dilancarkan, terdapat perbezaan dalam pemilihan buku-buku teks. Bagi tingkatan 1, iaitu tahun pertama KBSM dilancarkan, kesemua sekolah bebas memilih buku teks yang telah diperakukan oleh Kementerian Pendidikan, iaitu daripada pelbagai penerbit. Untuk tingkatan dua, sekolah-sekolah terpaksa memilih teks berdasarkan senarai buku-buku yang telah ditentukan oleh Kementerian Pendidikan mengikut zon sekolah masing-masing. Bagi tingkatan tiga, empat dan lima pula, semua sekolah diwajibkan menggunakan buku teks yang sama, iaitu buku teks yang disediakan oleh panel

penulis yang ditentukan oleh Biro Buku Teks, Kementerian Pendidikan dan diterbitkan oleh DBP.

DBP menerbitkan buku teks bahasa Melayu daripada tingkatan satu hingga tingkatan lima. Bagi setiap tingkatan, buku-buku ini mempunyai pengarang yang berlainan tetapi menggunakan format yang sama. Contohnya, susunan bagi setiap unit (bab) bagi setiap teks adalah sama, jumlah muka surat bagi setiap bab secara puratanya adalah antara 11 hingga 25 muka surat bagi setiap pelajaran. Bentuk susunan rencana dan gambar hampir bersamaan dalam tiap-tiap teks. Setiap teks memuatkan gambar berbentuk lakaran dan gambar foto. Terdapat gambar hitam putih dan berwarna.

Buku-buku teks bahasa Melayu terbitan penerbit-penerbit selain DBP pula hanya terhad kepada teks untuk tingkatan satu dan dua sahaja. Antara penerbit-penerbit yang menerbitkan teks ialah SASBADI, DELTA, PUSTAKA SISTEM, YAKIN, CIPTA dan EASTERNVIEW PRODUCTION.

Catatan lanjut mengenai teks-teks yang dipilih sebagai alat kajian, iaitu teks terbitan DBP, DELTA dan SASBADI dilampirkan dalam Lampiran A.

BAHAGIAN 1

3.3 Analisis Penggunaan Bahan Akhbar dan Majalah dalam Buku Teks Terbitan DBP

Analisis tentang penggunaan bahan akhbar dan majalah dalam teks DBP ini akan dilinjau dari aspek-aspek berikut:

- (a) Perbahaman
- (b) Kemahiran bahasa
- (c) Penggabungjalinan
- (d) Isi Pelajaran

3.3.1 Aspek Perbahaman

Tinjauan aspek perbahaman memberikan perhatian kepada empat perkara, iaitu:

- (a) Sumber bahan
- (b) Jumlah bahan
- (c) Bentuk bahan
- (d) Jenis bahan.

3.3.1.1 Sumber Bahan

Hasil analisis sumber bahan dalam Jadual 1 menunjukkan petikan daripada majalah lebih popular penggunaannya berbanding dengan akhbar dalam tiap-tiap teks. Secara purata nisbah penggunaan antara akhbar dan majalah adalah 1:3.

Jadual 1 Peratusan perbandingan penggunaan bahan akhbar dan majalah dalam teks

Tingkatan	Petikan daripada		Jumlah petikan
	Akhbar	Majalah	
1	2 (17%)	10 (83%)	12
2	2 (25)	6 (75)	8
3	8 (38)	13 (62)	21
4	8 (24)	25 (76)	33
5	10 (31)	22 (69)	32
Jumlah	30 (28%)	76 (72%)	106

Petunjuk:

$$\text{Peratus petikan akhbar/ majalah} = \frac{\text{Petikan akhbar/ majalah}}{\text{Jumlah petikan Majalah}}$$

3.3.1.2 Kekerapan bahan

Untuk mengesahkan sejauh manakah kekerapan penggunaan petikan bahan akhbar dan majalah di dalam buku teks yang dikaji, cara ukur yang digunakan ialah berdasarkan jumlah bab dan artikel.

Analisis **Berdasarkan bab** dalam Jadual 2 mendapati bahawa di dalam setiap buku teks, petikan daripada akhbar dan majalah tidak dimuatkan dalam setiap bab. Bagaimanapun, hampir separuh daripada bab-bab dalam setiap teks dimuatkan dengan petikan akhbar dan majalah, iaitu dengan purata penggunaan sebanyak 58.2% bagi setiap tingkatan. Data juga menunjukkan bahawa lebih banyak bab dalam teks tingkatan tiga, empat dan lima menggunakan bahan akhbar dan majalah, iaitu sebanyak 70% dalam teks tingkatan tiga dan 65% dalam teks tingkatan empat dan lima berbanding dengan bab-bab dalam teks tingkatan satu dan dua, iaitu hanya 58% dan 33% sahaja.

Jadual 2 Peratusan penggunaan bahan akhbar dan majalah berdasarkan bab

Tingkatan	Jumlah bab dalam teks		Jumlah bab menggunakan petikan akh./maj. (B)/(A)
	(A)	(B)	
1	19	11	(58%)
2	18	6	(33)
3	20	14	(70)
4	20	13	(65)
5	20	13	(65)
Jumlah	97	57	

Analisis **berdasarkan artikel** (Jadual 3) pula menunjukkan purata penggunaan artikel daripada akhbar dan majalah ialah di sekitar 25% dalam

setiap teks berbanding dengan penggunaan artikel daripada sumber-sumber lain. Bagaimanapun peratusan penggunaan yang rendah ini sekurang-kurangnya menyokong andaian awal kajian, iaitu bahan akhbar dan majalah adalah sesuai digunakan sebagai alat bantu mengajar (ABM).

Jadual 3: Peratusan penggunaan bahan **akhbar** dan **majalah** berdasarkan artikel

Tingkatan	Jumlah artikel dalam teks	Jumlah artikel menggunakan petikan akh./maj.
1	38	12 (32%)
2	59	8 (14)
3	90	21 (23)
4	110	33 (30)
5	110	32 (29)

3.3.1.3 Jenis bahan

Analisis kajian mendapati bahawa bahan akhbar dan majalah yang dimuatkan ke dalam teks diambil daripada pelbagai jenis akhbar dan majalah tempatan. Jenis-jenis akhbar dan majalah berkenaan dibentangkan dalam Jadual 4 dan 5.

(a) Jenis-jenis akhbar

Petikan-petikan dalam teks datangnya daripada akhbar **Utusan Malaysia**, **Utusan Pengguna**, **Berita Harian**, **Berita Minggu**, **Mingguan Malaysia** dan **New Straits Times**. Dari segi kekerapan, petikan daripada akhbar **Berita Harian** didapati paling popular penggunaannya dalam semua teks (kecuali teks tingkatan satu).

Jadual 4: **Jenis-jenis akhbar**

Jenis	Tingkatan				
	1	2	3	4	5
Berita Harian	-	1(50%)	5(63%)	6(74%)	4(40%)
Berita Minggu	-	-	1(13)	1(13)	1(10)
Utusan Pengguna	-	-	1(13)	-	2(20)
Utusan Malaysia	2(100%)	-	-	-	2(20)
Mingguan Malaysia	-	1(50)	-	1(13)	1(10)
NST	-	-	1(13)	-	-
Jumlah		2(100)	2(100)	8(100)	8(100)

Satu penemuan yang menarik daripada Jadual 4 ialah terdapatnya satu petikan daripada akhbar berbahasa Inggeris (**New Straits Times**). Petikan ini sebenarnya ialah petikan berbentuk iklan jawatan kosong yang diiklankan dalam bahasa Melayu (Lihat Lampiran B).

b) Jenis-jenis majalah

Sebanyak 12 jenis majalah (lihat Jadual 5) telah dikenal pasti sebagai majalah yang menyumbangkan petikan ke dalam teks. Bagaimanapun dari segi kekerapan, petikan daripada majalah **Dewan Siswa** adalah paling popular penggunaannya hampir dalam kesemua teks, iaitu teks tingkatan satu (50%), dua (83%), tiga (69%) dan tingkatan empat (52%) berbanding dengan petikan daripada majalah-majalah yang lain.

Jadual 5: Jenis-jenis **majalah**

Jenis	Tingkatan				
	1	2	3	4	5
Dewan Siswa	5(50%)	5(84%)	9(70%)	13(52%)	3(13%)
D. Masyarakat	-	-	-	6(24)	13(59)
D. Budaya	-	-	-	1(4)	3(13)
D. Pelajar	5(50%)	-	2(15)	-	-
Peladang	-	-	1(8)	-	-
Gelanggang	-	-	-	1(4)	-
Kraftangan	-	1(16%)	-	-	1(5)
Warta Nuklear	-	-	-	-	1(5)
Wanita	-	-	-	1(4)	-
D. Sastera	-	-	-	2(8)	1(5)
Usahawan					
Malaysia	-	-	-	1(4)	-
Teknologi					
Makanan	-	-	1(8)	-	-
Jumlah		10(100)	6(100)	13(100)	25(100)
				22(100)	

Seterusnya Jadual 5 turut memberi gambaran bahawa terdapatnya hubungan antara penggunaan majalah mengikut tingkatan. Contohnya, petikan daripada majalah **Dewan Pelajar** hanya digunakan dalam teks tingkatan satu dan tiga sahaja manakala petikan daripada majalah **Dewan Masyarakat, Dewan Budaya, Dewan Sastera, Wanita, Warta Nuklear, Gelanggang** dan **Usahawan Malaysia** pula hanya dimuatkan dalam teks tingkatan empat dan lima. Ini berkemungkinan kerana bahasa di dalam majalah **Dewan Masyarakat, Dewan Budaya** dan **Dewan Sastera** lebih tinggi dan isu-isu yang diperbincangkan lebih kompleks. Bagaimanapun pola penggunaan seperti ini tidak begitu ketara bagi akhbar.

Selain itu, data dalam Jadual 5 juga memperlihatkan bahawa petikan-petikan daripada majalah yang dimuatkan ke dalam buku teks terbitan DBP tidak terhad kepada petikan daripada majalah terbitan DBP sahaja. Petikan turut diambil daripada majalah-majalah bukan terbitan DBP seperti majalah **Peladang, Kraf Tangan, Teknologi Makanan, Gelanggang, Warta Nuklear, Wanita** dan **Usahawan Malaysia** tetapi dengan kadar kekerapan yang rendah, iaitu dengan nisbah 1:8.

3.3.1.4 Bentuk Bahau

Bentuk bahan merujuk kepada bentuk-bentuk petikan daripada akhbar dan majalah yang dimuatkan ke dalam teks. Petikan daripada akhbar yang mengandungi gambar-gambar menarik, misalnya, akan menimbulkan minat dan

menjadi tarikan kepada pelajar jika digunakan dalam pengajaran (Mat Nor dan Abd. Rahman, 1981: 69). Para ini akan melihat kepopularan bentuk-bentuk tertentu (akhbar dan majalah) yang digunakan dalam buku teks DBP.

(a) Bentuk bahan daripada akhbar

Bentuk-bentuk petikan daripada akhbar dan taburan kekerapannya ditunjukkan dalam Jadual 6. Hasil analisis mendapati petikan rencana merupakan petikan yang paling kerap digunakan dalam teks' (purata penggunaan 62.8% bagi setiap teks, meliputi teks tingkatan satu hingga lima). Bentuk yang kerap digunakan juga ialah berita dengan purata penggunaan 31.7% bagi setiap teks (kecuali dalam teks tingkatan satu).

Jadual 6: Peratusan penggunaan bentuk **akhbar** dalam teks

Bentuk bahan	Tingkatan					Jumlah
	1	2	3	4	5	
Rencana	2(100)	1(50)	5(64)	4(50)	5(50)	17
Berita	-	1(50)	1(12)	2(25)	4(40)	8
Graf	-	-	1(12)	-	-	1
Sajak	-	-	-	1(12)	1(10)	2
Iklan	-	-	1(12)	1(12)	-	2
Jumlah	2(100)	2(100)	8(100)	8(100)	10(100)	30

Angka di dalam () menunjukkan peratus

Daripada Jadual 6 dapat dikesan bahawa wujudnya hubungan antara penggunaan bentuk bahan akhbar yang tertentu dengan teks daripada tingkatan tertentu. Misalnya dalam teks tingkatan satu dan dua, bentuk yang digunakan hanya terhad kepada rencana dan berita sahaja manakala dalam teks tingkatan tiga, empat dan lima dimuatkan pelbagai bentuk petikan seperti rencana, berita, sajak, iklan dan graf.

(b) Bentuk bahan daripada majalah

Seperti akhbar, sebahagian besar petikan daripada majalah yang dimuatkan ke dalam tiap-tiap teks ialah rencana (lihat Jadual 7). Purata penggunaannya bagi setiap teks ialah sebanyak 64.5%. Bentuk kedua yang kerap digunakan ialah cerpen dengan purata penggunaan 15.8% bagi setiap teks.

Seperti akhbar, teks tingkatan tiga, empat dan lima memuatkan petikan (daripada majalah) yang lebih pelbagai seperti rencana, cerpen, sajak, temubual dan surat manakala teks tingkatan satu dan dua hanya menghadkan petikan kepada dua bentuk sahaja, iaitu rencana dan cerpen.

Jadual 7. Peratusan penggunaan bentuk majalah dalam teks

Bentuk bahan	Tingkatan				
	1	2	3	4	5
Rencana	9(90)	4(66)	11(85)	15(60)	15(23)
Cerpen	1(10)	2(34)	1(7)	3(12)	6(27)
Sajak	-	-	-	7(28)	-
Temubual	-	-	-	-	1(5)
Surat	-	-	1(7)	-	-
Jumlah	10(100)	6(100)	13(100)	25(100)	22(100)

Angka di dalam () menunjukkan peratus

3.3.2 Kemahiran Bahasa

Analisis dari aspek kemahiran bahasa dibahagikan kepada dua bahagian iaitu jenis-jenis kemahiran dan hubungan antara jenis-jenis kemahiran dengan bentuk bahan yang digunakan.

3.3.2.1 Jenis-jenis Kemahiran

Kajian ini mengandaikan bahawa akhbar dan majalah adalah sesuai digunakan bagi mengajar semua kemahiran bahasa. Andaian ini telah disokong oleh data-data kajian (Jadual 8) yang menunjukkan bahawa bahan akhbar dan majalah telah digunakan untuk mengajar kesemua kemahiran bahasa termasuk aspek tatabahasa.

Jadual 8: Peratusan penggunaan akhbar dan majalah untuk mengajar kemahiran dalam teks

Jenis Kemahiran	Tingkatan					Jumlah
	1	2	3	4	5	
Membaca & memahami	10(83%)	4(50%)	11(52%)	16(48%)	17(53%)	58
Mendengar & bertutur	1(8)	1(13)	2(10)	10(30)	5(16)	19
Menulis	-	-	3(14)	4(12)	5(16)	12
Bacaan Luas	-	3(37)	4(19)	2(6)	2(6)	11
Aspek tatabahasa	1(8)	-	1(5)	1(3)	3(9)	6
Jumlah	12(100)	8(100)	21(100)	33(100)	32(100)	106

Jadual 8 turut memberi gambaran sampingan seperti berikut:

- (a) Bahan akhbar dan majalah yang dimuatkan ke dalam teks bukan sahaja boleh digunakan untuk mengajar semua kemahiran bahasa dan aspek tatabahasa tetapi juga sebagai bahan bacaan luas.
- (b) Dari segi kekerapan, bahan akhbar dan majalah yang dimuatkan ke dalam teks paling kerap digunakan untuk mengajar kemahiran membaca dan memahami. Purata penggunaannya untuk mengajar kemahiran membaca dan memahami bagi setiap teks ialah 55% berbanding dengan penggunaannya untuk mengajar kemahiran-kemahiran bahasa yang lain.
- (c) Kedua-dua teks tingkatan satu dan dua didapati tidak menggunakan bahan daripada akhbar dan majalah untuk mengajar kemahiran menulis. Sebaliknya, bahan digunakan untuk mengajar semua kemahiran bahasa

(termasuk aspek tatabahasa dan sebagai bacaan luas) dalam teks tingkatan tiga, empat dan lima.

3.3.2.2 Hubungan antara jenis-jenis kemahiran dengan bentuk bahan

Dalam para 3.3.1.3, kelihatan bahawa bahan-bahan yang digunakan dalam teks terdiri daripada pelbagai bentuk seperti bentuk rencana, berita, iklan, surat dan lain-lain. Secara tidak langsung, analisis data menunjukkan terdapatnya hubungan yang rapat antara bentuk-bentuk bahan yang digunakan dengan jenis-jenis kemahiran bahasa yang hendak diajar (sila lihat Jadual 9 dan 9A).

Pertamanya, daripada Jadual 9 didapati bahawa petikan berbentuk rencana dan cerpen dapat digunakan untuk mengajar semua jenis kemahiran bahasa termasuk aspek tatabahasa dan bacaan luas. Namun, dari segi kekerapan, rencana lebih kerap digunakan berbanding cerpen. Peratusan penggunaan kedua-duanya adalah seperti berikut:

	<u>RENCANA</u>	<u>CERPEN</u>
kemahiran membaca & memahami	= 81%	9%
kemahiran mendengar & bertutur	= 32%	10%
kemahiran menulis	= 60%	8%
aspek tatabahasa	= 50%	50%
bacaan luas	= 73%	27%

Keduanya, daripada Jadual 9 didapati bagi mengajar **kemahiran membaca dan memahami**, rencana lebih kerap digunakan (81%) berbanding

dengan bentuk-bentuk lain (kurang daripada 10%). Penggunaan juga tidak seimbang bagi **kemahiran menulis** (rencana 60%, sajak 16%, berita, cerpen dan surat 8%) dan **bacaan luas** (rencana 73%, cerpen 27%). Penggunaan bentuk-bentuk bahan adalah lebih seimbang bagi kemahiran **mendengar dan bertutur**, iaitu menggunakan rencana sebanyak 32%, berita dan sajak 26%, cerpen 10% dan iklan 5%, walaupun penekanan masih tertumpu kepada bentuk rencana.

Dari segi kepelbagaiannya penggunaan bentuk bahan pula, bentuk-bentuk bahan yang digunakan untuk mengajar kemahiran membaca dan memahami, mendengar dan bertutur dan kemahiran menulis (contoh rencana, berita, cerpen, surat dll.) adalah lebih pelbagai berbanding dengan bentuk-bentuk yang digunakan untuk mengajar kemahiran tatabahasa dan bacaan luas. Untuk mengajar kemahiran tatabahasa dan bacaan luas contohnya, pengarang hanya menggunakan rencana dan cerpen sahaja.

Maklumat-maklumat berikut pula diperoleh daripada Jadual 9, iaitu:

- bentuk rencana lebih kerap digunakan untuk mengajar kemahiran membaca dan memahami,
- bentuk berita dan sajak lebih kerap digunakan untuk mengajar kemahiran mendengar dan bertutur,
- bentuk cerpen kerap digunakan untuk mengajar kemahiran membaca dan memahami, aspek tatabahasa dan sebagai bacaan luas.

Jadual 9: Kaitan penggunaan bentuk bahan daripada **akhtar** dan **majalah** dengan kemahiran bahasa (1)

Bentuk bahan	Kemahiran bahasa				
	Membaca dan memahami	Mendengar dan bertutur	Tata- bahasa	Menulis	Bacaan luas
Rencana	47(81)	6(32)	3(50)	7(60)	8(73)
Berita	2(3)	5(26)	-	1(8)	-
Graf	1(2)	-	-	-	-
Sajak	2(3)	5(26)	-	2(16)	-
Cerpen	5(9)	2(10)	3(50)	1(8)	3(27)
Iklan	-	1(5)	-	-	-
Temubual	1(2)	-	-	-	-
Surat	-	-	-	1(8)	-
Jumlah	58(100)	19(100)	6(100)	12(100)	11(100)

Angka dalam () menunjukkan peratusan

Adalah sukar untuk membuat sebarang kesimpulan terhadap kekerapan penggunaan bentuk graf, iklan, temubual dan surat kerana bilangan bentuk-bentuk ini hanyalah sebuah sahaja.

3.3.3 Penggabungjalinan

Mat Nor Hussin, Normah dan Marzukhi (1989: 23) mentakrifkan penggabungjalinan sebagai;

“suatu pengolahan dalam proses pengajaran-pembelajaran bahasa yang melibatkan pengajaran beberapa aspek kemahiran bahasa, dikumpulkan dan diajar serentak dan berkait rapat di antara satu dengan lain dalam satu waktu pengajaran”.

Jadual 9A: Kaitan penggunaan bentuk bahan daripada **akhbar** dan **majalah** dengan kemahiran bahasa (2)

Bentuk bahan	Membaca dan memahami	Mendengar dan bertutur	Tata-bahasa	Menulis	Bacaam luas	Jumlah
Rencana	47(65%)	6(8%)	3(4%)	7(10%)	8(11%)	72(100)
Berita	2(25)	5(63)	-	1(13)	-	8(100)
Graf	1(100)	-	-	-	-	1(100)
Sajak	2(22)	5(56)	-	2(22)	-	9(100)
Cerpen	5(35)	2(14)	3(22%)	1(7)	3(22)	14(100)
Iklan	-	1(50)	-	1(50)	-	2(100)
Temubual	1(100)	-	-	-	-	1(100)
Surat	-	-	-	1(100)	-	1(100)

Dalam kelima-lima teks yang dikaji (teks tingkatan satu hingga lima), keputusan analisis menunjukkan terdapatnya unsur-unsur penggabungan antara kemahiran. Misalnya, rencana dalam teks yang memuatkan petikan daripada akhbar dan majalah dan digunakan untuk mengajar **kemahiran membaca dan memahami** didapati bukan sahaja melibatkan latihan dan aktiviti membaca dan memahami semata-mata tetapi disertai oleh latihan dan kegiatan yang melibatkan kemahiran mendengar dan bertutur, menulis dan aspek tatabahasa, antaranya adalah seperti berikut:

a) Kemahiran mendengar dan bertutur

- perbincangan di dalam kelas,
- perbahasan,
- bercerita semula,
- memberikan pendapat.

b) Kemahiran membaca dan memahami

- membaca dengan sebutan dan intonasi yang betul/sebutan baku/nada yang kuat,
- memahami peraturan/adat resam dan perumpamaan,
- menjawab soalan-soalan kefahaman,
- mencatat isi-isi penting.
- membina soalan.

c) Kemahiran menulis

- meringkaskan karangan,
- membuat rumusan,
- menulis surat,
- menulis karangan, laporan, sajak dan cerpen.

d) Aspek tatabahasa

- mengenalpasti kata ganda,
- mengenalpasti jenis-jenis ayat,
- mencari makna perkataan/frasa/rangkai kata,
- membina ayat.

- mempelajari imbuhan,
- menyenaraikan unsur-unsur pemilihan kata yang indah dan berkesan.

e) Peribahasa

- berbincang erti peribahasa

Petikan yang digunakan khusus untuk mengajar kemahiran mendengar dan bertutur pula turut menggabungjalinkan kemahiran kefahaman dan aspek tatabahasa melalui aktiviti dan latihan susulan seperti berikut:

1a) Kemahiran mendengar dan bertutur

- mendengar rakaman,
- bercerita kepada kelas dengan lantang dan jelas,
- bersoal jawab dengan rakan-rakan sekelas,
- menyebut perkataan menggunakan sebutan baku.

b) Kemahiran kefahaman

- membina soalan-soalan berdasarkan petikan.

c) Aspek tatabahasa

- berbincang mengenai erti peribahasa,
- mencari makna perkataan berpadukan kamus.

Bagaimanapun tidak didapati unsur penggabungjalinan antara kemahiran yang ketara terhadap petikan yang digunakan untuk mengajar kemahiran menulis. Hampir kesemua petikan (dalam teks tingkatan satu hingga lima) yang digunakan untuk mengajar kemahiran menulis hanya melibatkan aktiviti dan latihan menulis, iaitu:

1a) Kemahiran menulis

- menulis karangan/surat/cerpen/ulasan/laporan,
- menulis rumusan,
- menyusun perenggan,
- mengisi borang,
- menggunakan tanda baca yang betul.

Di samping itu, petikan yang digunakan untuk mengajar aspek tatabahasa juga didapati tidak mempunyai unsur-unsur penggabungjalinkan antara kemahiran.

Latihan dan aktiviti hanyalah tertumpu kepada aspek tatabahasa.

Aspek tatabahasa

- melengkapkan teks dengan perkataan yang sesuai,
- menyenaraikan jenis-jenis ayat,
- mengenalpasti setiap intonasi ayat penyata,
- mengenalpasti jenis-jenis kata,
- membina ayat.

Selain penggabungjalinan antara kemahiran, analisis mendapat terdapatnya unsur-unsur penggabungjalinan antara media dalam teks. Terdapat arahan dan penyediaan aktiviti khas yang meminta guru dan murid-murid membuat rakaman pembacaan (terhadap petikan daripada akhbar atau majalah yang dimuatkan ke dalam teks) ke dalam pita rakaman. Kemudian, petikan itu diperdengarkan kepada kelas dan dijadikan bahan perbincangan.

Penggabungjalinan antara media (media cetak dan elektronik) yang terdapat di dalam teks ini bagaimanapun hanya terhad untuk mengajar kemahiran mendengar dan bertutur sahaja.

Secara keseluruhannya, unsur penggabungjalinan jelas diamalkan oleh pengarang teks. Amalan ini merupakan amalan yang positif kerana konsep gabung jalin yang melibatkan keempat-empat kemahiran bahasa dan aspek tatabahasa boleh memberi kesan pembelajaran yang optimum kepada para pelajar (Mat Nor Hussin, Normah, Marzukhi, 1989:51) dan dapat menyuburkan kemahiran-kemahiran berbahasa di kalangan para pelajar (Raminah dan Nuwairi, 1991).

3.3.4 TEMA (ISI PELAJARAN)

Strategi pengajaran dan pembelajaran BM KBSM juga mewajibkan penggunaan kaedah 'penyerapan' isi pelajaran:

"Isi pelajaran bahasa Malaysia yang meliputi bidang ilmu, hal-hal persendirian dan kemasyarakatan serta semangat kewarganegaraan dan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia yang berlandaskan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan hendaklah diserapkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Malaysia".

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988:23)

Bersesuaian dengan kehendak sukanan pelajaran KBSM, analisis kajian mendapati bahawa petikan-petikan yang diambil daripada akhbar dan majalah

adalah petikan yang terdiri daripada pelbagai bidang ilmu dan mata pelajaran.

Bidang-bidang tersebut dibentangkan dalam Jadual 10.

Daripada Jadual 10 dapat dikesan bahawa petikan-petikan daripada akhbar dan majalah yang dimuatkan ke dalam teks mempunyai unsur-unsur penyerapan ilmu dan mata pelajaran daripada pelbagai bidang seperti sains dan teknologi, kerjaya, kesihatan, ekonomi, perlancongan, politik dan lain-lain. Walau bagaimanapun, didapati bahawa petikan artikel yang menggunakan laras bahasa sains dan teknologi paling kerap digunakan, iaitu dengan purata 22.2% bagi setiap tingkatan berbanding dengan laras bahasa yang lain, iaitu kurang daripada 16% dalam setiap teks.

Di samping itu, keputusan kajian didapati tidak memperlihatkan hubungan yang ketara antara penggunaan petikan daripada bidang ilmu yang tertentu dengan tingkatan yang tertentu, kecuali bagi tema-tema yang berkaitan dengan isu dalam negeri dan isu luar negara. Kedua-dua bidang ilmu ini didapati hanya dimuatkan dalam buku teks tingkatan tiga, empat dan lima sahaja.

Di samping itu, keputusan kajian didapati tidak memperlihatkan hubungan yang ketara antara penggunaan petikan daripada bidang ilmu yang tertentu dengan tingkatan yang tertentu, kecuali bagi tema-tema yang berkaitan dengan isu dalam negeri dan isu luar negara. Kedua-dua bidang ilmu ini didapati hanya dimuatkan dalam buku teks tingkatan tiga, empat dan lima sahaja.

Jadual 10: Peratusan Penggunaan isi pelajaran daripada

Akhbar dan majalah dalam teks

Isi Pelajaran	Tingkatan					Jumlah
	1	2	3	4	5	
Nilai murni	3 (25%)	2 (25%)	6 (27%)	6 (18%)	5(16%)	22
Sains/ Teknologi	-	1 (13)	4(19)	6(18)	8(25)	19
Kesihatan	2(17)	2(25)	1(10)	-	4(13)	10
Pelancongan/ aktiviti masa lapang	1(8)	-	4(19)	5(15)	-	10
Isu dalam negeri	-	-	-	5(15)	4(13)	9
Budaya/ warisan	1(8)	2(25)	1(5)	1(3)	3(9)	8
Kerjaya	2(17)	-	2(10)	2(6)	2(6)	8
Isu luar negara	-	-	1(5)	4(12)	2(6)	7
Sukan	1(8)	1(13)	-	3(9)	-	5
Alam selitar	1(8)	-	-	-	2(6)	3
Ekonomi	1(8)	-	-	1(3)	1(3)	3
Bahasa/ sastera	-	-	1(5)	-	1(3)	2
Jumlah	12(100)	8(100)	21(100)	33(100)	32(100)	106

Dalam hal penyerapan nilai-nilai murni, didapati bahawa pengarang teks amat menitikberatkan petikan-petikan yang mempunyai nilai-nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan yang murni. Secara purata, hampir satu perempat daripada petikan yang diambil daripada akhbar dan majalah merupakan petikan yang mengandungi unsur-unsur pengajaran moral sama ada dipersembahkan secara tersurat atau tersirat. Antara nilai-nilai yang terkandung dalam petikan ialah kasih sayang, tolong menolong, bersatu padu, hormat-menghormati, perpaduan antara kaum, sikap bertanggung jawab dan mencintai tanah air.

Kesungguhan pihak pengarang teks untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam pengajaran bahasa Melayu juga dapat dikesan daripada soalan-soalan latihan yang disediakan. Contohnya, terdapat latihan dalam teks tingkatan lima yang meminta para pelajar mencatatkan nilai-nilai kerohanian dan kemanusiaan yang terdapat dalam petikan sajak 'Lagu Laut'. Sajak berkenaan telah dipetik daripada akhbar **Mingguan Malaysia**. Dalam teks yang sama juga ditemui aktiviti khas yang mengkehendaki pelajar-pelajar membincangkan nilai-nilai kemanusiaan yang tersirat berdasarkan petikan cerpen 'Nasinya Tumpah' (cerpen ini dipetik daripada majalah **Dewan Masyarakat**).

BAHAGIAN B

3.4 KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA TEKS

Bahagian ini akan melihat perbandingan (jika ada) terhadap pola penggunaan bahan akhbar dan majalah dalam teks-teks yang berlainan. Untuk tujuan ini enam teks dipilih daripada tiga penerbit yang berlainan, iaitu buku teks Bahasa Melayu Tingkatan Satu dan Tingkatan Dua terbitan DBP, SASBADI dan DELTA. Penekanan analisis ialah kepada aspek perbahaman, kemahiran bahasa, isi pelajaran dan unsur sastera sahaja.

3.4.1 Aspek perbahaman

Di bawah aspek ini, kajian cuba menjawab soalan-soalan berikut:

- (a) Teks manakah yang paling kerap memuatkan bahan daripada akhbar dan majalah?
- (b) Apakah sumber-sumber akhbar dan majalah yang kerap digunakan dalam setiap teks?
- (c) Apakah bentuk bahan akhbar dan majalah yang yang digunakan dalam setiap teks, dan apakah kekerapannya?

3.4.1.1 Teks manakah yang paling kerap memuatkan bahan daripada akhbar dan majalah ?

Ukuran kekerapan penggunaan bahan dibuat berdasarkan jumlah bab dan jumlah artikel. Berdasarkan jumlah bab (Jadual 11), teks tingkatan satu DBP dan teks tingkatan dua SASBADI dikenal pasti sebagai teks yang paling kerap memuatkan bahan daripada akhbar dan majalah. Sebanyak 57% dan 44% daripada jumlah bab dalam teks tingkatan satu DBP dan teks tingkatan dua SASBADI memuatkan bahan akhbar dan majalah berbanding dengan teks DELTA hanyalah 20% (teks tingkatan satu dan dua).

Jadual 11: Peratusan perbandingan penggunaan bahan **akhbar** dan **majalah** mengikut jumlah bab

TEKS	Tingkatan 1		Tingkatan 2	
	Jumlah bab	Jumlah bab guna bahan	Jumlah bab	Jumlah bab guna bahan
DBP	19 (100%)	11 (57%)	18 (100%)	6 (33%)
SASBADI	21 (100)	6 (29)	18 (100)	8 (44)
DELTA	20 (100)	4 (20)	20 (100)	4 (20)

Berdasarkan jumlah artikel pula, didapati bahawa teks yang paling kerap memuatkan petikan bahan ialah teks tingkatan satu DBP dan teks tingkatan dua SASBADI, iaitu sebanyak 32% dan 20% daripada jumlah keseluruhan artikel yang terdapat dalam teks.

Jadual 12: Peratusan perbandingan penggunaan bahan **akhbar** dan **majalah** mengikut jumlah artikel

TEKS	Tingkatan 1		Tingkatan 2	
	(A)	(B)	(A)	(B)
DBP	38 (100%)	12 (32%)	59 (100%)	8 (14%)
SASBADI	47 (100)	8 (17)	50 (100)	10 (20)
DELTA	64 (100)	7 (11)	53 (100)	5 (9)

Petunjuk:

- (A) = Jumlah artikel dalam teks
- (B) = Jumlah artikel menggunakan bahan/petikan daripada akhbar dan majalah

3.4.1.2 Apakah sumber-sumber bahan yang kerap digunakan dalam setiap teks?

Analisis bahagian ini dipecahkan kepada dua bahagian, iaitu bahagian kekerapan penggunaan bahan akhbar berbanding bahan majalah dan jenis-jenis akhbar dan majalah yang dimuatkan ke dalam setiap teks.

(1) Kekerapan penggunaan bahan akhbar berbanding bahan majalah

Keputusan analisis menunjukkan terdapat perbezaan pola penggunaan bahan di antara teks. Didapati bahawa teks DBP dan SASBADI lebih kerap memuatkan bahan daripada majalah manakala teks DELTA pula menekankan bahan daripada akhbar (Jadual 13). Purata penggunaan bahan majalah adalah di dalam teks DBP dan SASBADI adalah di antara dua hingga tiga perempat berbanding dengan bahan akhbar. Sebaliknya, hampir kesemua petikan dalam teks DELTA didapati menggunakan petikan akhbar.

Jadual 13: Peratusan perbandingan bahan akhbar dan majalah dalam teks DBP, SASBADI dan DELTA

TEKS	Tingkatan 1		Tingkatan 2	
	Akhbar	Majalah	Akhbar	Majalah
DBP	2 (20%)	10 (80%)	2 (25%)	6 (75%)
SASBADI	2 (25)	6 (75)	4 (40)	6 (60)
DELTA	7 (100)	-	4 (80)	1 (20)

(2) Kekerapan penggunaan jenis-jenis akhbar dan majalah yang tertentu

Petikan daripada akhbar dan majalah tertentu yang dimuatkan ke dalam teks ditunjukkan dalam Jadual 14 (bagi akhbar) dan Jadual 15 (bagi majalah).

(a) Jenis-jenis akhbar

Jadual 14: Jenis-jenis **akhbar** yang digunakan dalam teks DBP, SASBADI dan DELTA

TEKS	Teks Tingkatan 1			Teks Tingkatan 2		
	DBP	SASBADI	DELTA	DBP	SASBADI	DELTA
BHarian	-	1(50)	-	1(50)	-	-
Utusan						
Malaysia	2(100)	-	-	-	-	1(25)
Mingguan						
Malaysia	-	-	-	1(50)	-	-
Utusan						
Zaman	-	-	-	-	1(25)	-
Utusan						
Pengguna	-	-	-	-	1(25)	-
Tulisan						
sendiri	-	1(50)	7(100)	-	2(50)	3(75)
Jumlah	2(100)	2(100)	7(100)	2(100)	4(100)	4(100)

Angka dalam () memunyukkan %

Jadual 14 menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada petikan akhbar dalam teks DBP diambil daripada akhbar **Berita Harian**, **Utusan Malaysia** dan **Mingguan Malaysia** sementara teks SASBADI lebih kerap menggunakan petikan daripada akhbar **Berita Harian**, **Utusan Zaman**, **Utusan**

Pengguna dan petikan akhbar yang dihasilkan sendiri oleh pengarangnya.

Sebahagian besar petikan akhbar dalam teks DELTA pula ditulis sendiri oleh pengarang teks itu.

Jadual 15: Jenis-jenis **majalah** yang digunakan dalam teks DBP, SASBADI dan DELTA

Majalah	Teks Tingkatan 1			Teks Tingkatan 2		
	DBP	SASBADI	DELTA	DBP	SASBADI	DELTA
D Siswa	5(50)	1(16)	-	5(80)	1(16)	-
D Pelajar	5(50)	-	-	-	-	1(100)
D Budaya	-	-	-	-	1(16)	-
Aktual	-	1(16)	-	-	-	-
Kraftangan	-	-	-	1(20)	-	-
Tiada sumber	-	4(68)	-	-	4(68)	-
Jumlah	10(100)	6(100)	-	6(100)	6(100)	1(100)

Angka dalam () menunjukkan peratus

Bagi majalah, kajian turut mendapati terdapatnya perbezaan citarasa antara ketiga-tiga pengarang teks dalam membuat pemilihan petikan daripada majalah yang tertentu. Jadual 15 memberi gambaran bahawa pengarang teks DBP lebih gemar menggunakan petikan daripada majalah **Dewan Siswa** dan **Dewan Pelajar** manakala pengarang teks SASBADI pula kerap menggunakan petikan majalah yang dikarang sendiri olehnya dan dikenali sebagai 'contoh petikan daripada majalah'. Bagi teks DELTA, tidak ada ciri-ciri tertentu yang

dapat dikesan kerana teks ini hanya memuatkan satu petikan sahaja, iaitu petikan daripada majalah **Dewan Pelajar**.

3.4.1.3 Apakah bentuk bahan akhbar dan majalah yang digunakan dalam setiap teks, dan apakah kekerapannya?

Kekerapan penggunaan bentuk-bentuk tertentu terhadap bahan akhbar dan majalah yang dimuatkan ke dalam teks terbahagi kepada dua bahagian, iaitu bentuk bahan daripada akhbar dan bentuk bahan daripada majalah.

(a) Bentuk bahan daripada akhbar

Keputusan kajian (Jadual 16) menunjukkan bahawa bentuk bahan daripada majalah yang paling kerap dimuatkan dalam teks ialah rencana. Contohnya bentuk rencana yang dimuatkan dalam teks DBP dan SASBADI adalah di antara dua pertiga hingga empat perlima berbanding dengan bentuk-bentuk yang lain, iaitu cerpen, sajak dan iklan. Bagi teks DELTA, kesan penggunaan bentuk-bentuk yang tertentu adalah tidak ketara kerana teks ini hanya menggunakan satu sahaja petikan daripada majalah.

Jadual 16: Peratusan perbandingan penggunaan bentuk bahan daripada **majalah** dalam teks DBP, SASBADI dan DELTA.

Bentuk	Teks Tingkatan 1			Teks Tingkatan 2		
	DBP	SASBADI	DELTA	DBP	SASBADI	DELTA
Rencana	9(90%)	4(66%)	-	4(67%)	5(83%)	-
Cerpen	1(10)	-	-	2(34)	-	1(100)
Sajak	-	2(34)	-	-	-	-
Iklan	-	-	-	-	1(17)	-
Jumlah	10(100)	6(100)	-	6(100)	6(100)	1(100)

(b) Bentuk bahan daripada akhbar

Berbanding dengan majalah, petikan bahan daripada akhbar lebih berbagai seperti yang dibentangkan di dalam Jadual 17 yang berikut:

Teks DELTA merupakan teks yang paling banyak menggunakan pelbagai bentuk daripada akhbar, contohnya berita, rencana, surat, intisari radio, intisari televisyen dan lidah pengarang. Keadaan ini berbeza dengan teks DBP dan SASBADI yang hanya menghadkan penggunaan kepada berita dan rencana sahaja. Teks DELTA merupakan teks yang paling banyak menggunakan pelbagai bentuk daripada akhbar, contohnya berita, rencana, surat, intisari radio, intisari televisyen dan lidah pengarang. Keadaan ini berbeza dengan teks DBP dan

SASBADI yang hanya menghadkan penggunaan kepada berita dan rencana sahaja

Jadual 17: Peratusan perbandingan penggunaan bentuk bahan **akhtar** dalam teks DBP, SASBADI dan DELTA.

TEKS	Teks Tingkatan 1			Teks Tingkatan 2		
	DBP	SASBADI	DELTA	DBP	SASBADI	DELTA
Surat	-	-	1(14%)	-	-	-
Berita	2(100%)	-	4(58)	1(50%)	1(25%)	2(50%)
Rencana	-	2(100%)	-	1(50)	3(75)	1(25)
Intisari						
Radio	-	-	1(14)	-	-	-
Intisari						
TV	-	-	1(14)	-	-	-
Lidah pengarang	-	-	-	-	-	1(25)
Jumlah	10(100)	6(100)	-	6(100)	6(100)	1(100)

3.4.2 Aspek Kemahiran Bahasa

Berbanding dengan kemahiran-kemahiran bahasa yang lain, Jadual 18 memperlihatkan bahawa bahan akhtar dan majalah dalam ketiga-tiga teks yang dikaji lebih kerap digunakan untuk mengajar kemahiran membaca dan kefahaman. Contohnya sebanyak 83% dan 50% bahan digunakan untuk mengajar kemahiran membaca dan kefahaman dalam teks tingkatan satu dan dua

DBP, 75% dan 70% bagi teks tingkatan satu dan dua SASBADI dan 57% dan 80% dalam teks tingkatan satu dan dua DELTA.

Bahan daripada akhbar dan majalah juga kerap digunakan untuk mengajar kemahiran mendengar dan bertutur. Contoh peratusan penggunaan untuk mengajar kemahiran mendengar dan bertutur berbanding kemahiran-kemahiran yang lain ialah 8% dan 25% bagi teks tingkatan satu dan dua DBP, 25% dalam teks tingkatan dua SASBADI dan, 28% dan 20% dalam teks tingkatan satu dan dua DELTA.

Jadual 18: Peratusan perbandingan penggunaan **akhbar** dan **majalah** untuk mengajar kemahiran bahasa

	Teks Tingkatan 1	Teks Tingkatan 2
Jenis Kemahiran	DBP SASBADI DELTA	DBP SASBADI DELTA
1	10(84%)	6(75%)
2	1(8)	2(25)
3	-	2(28)
4	2(25)	4(50%)
5	-	7(70%)
		4(80%)
Jumlah	12(100)	8(100)
	7(100)	8(100)
	10(100)	5(100)

Petunjuk:

- | | | | |
|---|--------------------------|---|---------------|
| 1 | = Membaca dan memahami | 4 | = Tatabahasa |
| 2 | = Mendengar dan bertutur | 5 | = Bacaan luas |
| 3 | = Menulis | | |

Bahan akhbar dan majalah turut digunakan untuk mengajar kemahiran menulis, aspek tatabahasa dan bacaan luas tetapi dengan kadar kekerapan yang rendah dan taburan penggunaannya tidak melibatkan kesemua teks.

3.4.3 Isi Pelajaran

Kajian ini mendapati bahawa pihak pengarang ketiga-tiga teks berusaha untuk menyerapkan nilai-nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan yang murni di kalangan pelajar melalui pengajaran bahasa. Oleh itu, bahan akhbar dan majalah yang memaparkan nilai-nilai murni paling kerap dimuatkan ke dalam teks berbanding dengan isi pelajaran yang lain, iaitu 26% dan 25% bagi teks tingkatan 1 dan 2 terbitan DBP, 26% bagi teks tingkatan 1 SASBADI dan 15% dan 80% bagi teks tingkatan 1 dan 2 terbitan DELTA.

Dari segi kepelbagaian pula, didapati bahawa pengarang teks DBP dan SASBADI mempelbagaikan isi pelajaran kepada bidang sukan, sastera, sains, isu dan hal ehwal dalam negara dan lain-lain. Sebaliknya, pengarang teks DELTA hanya menggunakan petikan akhbar dan majalah yang mengandungi nilai-nilai murni dan membicarakan isu/hal ehwal dalam negara sahaja.

Jadual 19: Peratusan penggunaan Isi Pelajaran daripada **akhbar** dan **majalah** di dalam teks DBP, SASBADI dan DELTA.

Isi Pelajaran	Teks Tingkatan 1			Teks Tingkatan 2			Jumlah
	DBP	SASBADI	DELTA	DBP	SASBADI	DELTA	
Nilai-nilai murni	3(26%)	2(26%)	1(15%)	2(25%)	-	4(80%)	12
Isu dalam negara	-	2(26)	6(85)	-	2(20)	1(20)	11
Sukan	1(8)	1(12)	-	1(12)	-	-	3
Budaya/Warisan	1(8)	1(12)	-	2(25)	1(10)	-	5
Bahasa/sastera	-	1(12)	-	-	4(40)	-	5
Kerjaya	2(17)	-	-	-	1(10)	-	3
Kesihatan	2(17)	-	-	2(25)	1(10)	-	5
Perlancongan/ aktiviti masa lapang	1(8)	-	-	-	1(10)	-	2
Sains/teknologi	-	1(12)	-	1(12)	-	-	2
Ekonomi	1(8)	-	-	-	-	-	1
Alam sekitar	1(8)	-	-	-	-	-	1
Jumlah	12(100)	8(100)	7(100)	8(100)	10(100)	5(100)	50

3.4.4 Unsur Sastera

Secara umumnya, terdapat persamaan terhadap pola penggunaan bahan yang berunsur sastera daripada akhbar dan majalah dalam ketiga-tiga teks. Pola penggunaan berkenaan adalah seperti berikut:

- (a) Antara ketiga-tiga teks yang dikaji, teks terbitan DBP didapati lebih kerap menggunakan petikan sastera diikuti dengan teks SASBADI. Teks DELTA pula paling kurang menggunakan petikan sastera daripada akhbar dan majalah, iaitu hanya satu petikan sahaja.

- (b) Ketiga-tiga teks tidak memuatkan petikan bahan sastera daripada akhbar, sebaliknya menggunakan bahan sastera daripada majalah sahaja.
- (c) Peratusan penggunaan petikan yang mengandungi unsur-unsur sastera daripada akhbar dan majalah adalah rendah di dalam ketiga-tiga teks, iaitu iaitu tidak sampai satu perlima berbanding petikan-petikan lain seperti rencana, berita dan lain-lain.
- (d) Penggunaan bahan sastera daripada akhbar dan majalah di dalam ketiga-tiga teks hanya terbatas kepada genre cerpen dan sajak sahaja.

Jadual 20: Peratusan perbandingan penggunaan unsur sastera daripada akhbar dan majalah di dalam teks DBP, SASBADI dan DELTA.

Genre	Teks Tingkatan 1			Teks Tingkatan 2		
	DBP	SASBADI	DELTA	DBP	SASBADI	DELTA
Majalah						
Cerpen	3(100)	-	-	1(100)	-	1(100)
Sajak	-	2(100)	-	-	-	-
Akhbar						
Cerpen	-	-	-	-	-	-
Sajak	-	-	-	-	-	-
Jumlah	3(100)	2(100)	-	1(100)	-	1(100)

Angka dalam () menunjukkan peratus

3.5 Kesimpulan

Berikut adalah beberapa rumusan yang diperoleh hasil analisis buku teks, iaitu:

- (a) Bahan akhbar dan majalah boleh digunakan untuk mengajar BM di bilik darjah. Ini berdasarkan keputusan analisis yang menunjukkan terdapatnya penggunaan petikan bahan daripada akhbar dan majalah dalam ketiga-tiga buku teks yang dikaji.
- (b) Fungsi bahan akhbar dan majalah dalam pengajaran BM di bilik darjah setakat ini hanyalah sebagai Alat Bantu Mengajar (ABM) dan bukannya menjadi bahan utama. Oleh itu, kekerapan penggunaannya didapati hanya sebanyak satu pertiga sahaja daripada keseluruhan petikan dan jumlah bab yang terdapat dalam teks. Keputusan ini adalah bersesuaian dengan andaian awal kajian.
- (c) Bahan akhbar dan majalah mengandungi pelbagai topik/ tema/ isi pelajaran yang boleh digunakan untuk menolong memperluaskan ilmu pengetahuan dan meningkatkan laras bahasa pelajar. Ini berdasarkan keputusan analisis yang menunjukkan bahan akhbar dan majalah yang dimuatkan ke dalam teks adalah petikan daripada pelbagai topik/ tema/ isi pelajaran.
- (d) Pengarang ketiga-tiga teks menekankan penggunaan petikan yang mengandungi unsur pengajaran moral/ nilai-nilai murni. Secara tidak langsung ini memberi gambaran bahawa tulisan-tulisan di dalam akhbar dan majalah banyak mengandungi unsur nasihat yang tersirat, pengajaran

moral yang sesuai untuk diserapkan kejiwa nurani murid-murid seperti yang dinyatakan oleh YB Datuk Seri Anwar:

"Kita perlu ingat pendidikan itu bukan hanya untuk menimba ilmu pengetahuan tetapi untuk membentuk insan yang baik, penuh dengan adab sopan dan berakhlak tinggi kerana ilmu pengetahuan tanpa disiplin dan moral bukanlah ilmu yang sebenarnya."

(Sedutan ucapan YB Datuk Seri Anwar Ibrahim, **Berita Harian**, 12/9/86, hal. 1).

- (e) Petikan-petikan daripada akhbar dan majalah adalah sesuai untuk aktiviti-aktiviti bahasa yang melibatkan penggabungjalinan kemahiran bahasa. Penggunaan strategi gabungjalin merupakan inisiatif yang boleh meningkatkan minat dan keaktifan murid-murid di dalam kelas. Menurut Kamaruddin Husin (1986: 114) penggabungjalinan antara kemahiran juga:
- (i) membolehkan para pelajar menguasai beberapa kemahiran secara serentak dan lebih bermakna.
 - (ii) menimbulkan suasana pembelajaran yang lebih menarik dan berkesan.
 - (iii) menimbulkan suasana pembelajaran yang lebih berkesan.
 - (iv) kemahiran-kemahiran saling memperkuuhkan. (Kamaruddin Husin, 1986: 114)
- (f) Analisis dalam ketiga-tiga teks membuktikan petikan daripada bahan akhbar dan majalah boleh digunakan untuk mengajar semua kemahiran bahasa terutamanya kemahiran membaca dan memahami.